



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

KOD SEBUT HARGA : PSUKPP/46/2019

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkeelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **GRED G1, KATEGORI B, PENGKHUSUSAN B09 DAN GRED G1, KATEGORI CE, PENGKHUSUSAN CE14** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut :

**“KERJA-KERJA BERKAITAN TAMAN DAN LANSKAP DI
DEWAN SRI PINANG ”**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	26 Jun 2019 (Rabu)
Masa	:	10:00 pagi
Tempat	:	Bilik Dahlia, Dewan Sri Pinang, Lebuh Light. 10200 Pulau Pinang
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)
Tambahan	:	SILA BAWA COP SYARIKAT

3. Tuan/ Puan adalah **DIWAJIBKAN** membawa bersama dokumen salinan asal dan salinan fotostat (tidak akan dikembalikan) yang disahkan seperti berikut :

- i) Cetakan Spesifikasi Kerja dan kawasan terlibat yang dimuat turun dari Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP);
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB;
- iii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan oleh CIDB; dan
- iv) Sijil Taraf Bumiputera oleh PKK (jika berkaitan).

4. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) boleh mendapatkan **borang sebut harga**. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara atas talian (online) dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **27 Jun 2019 (Khamis)**.

5. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profil syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil **SPKK, CIDB dan STB (jika berkaitan)** dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen Sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 04 Julai 2019 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut harga di atas adalah menjadi tanggung jawab Penyebut harga.

7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

YB Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang